

INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



JURNAL PEMBELAJARAN: RELEVANKAH PENGGUNAANNYA DALAM PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA ARAB?

LEARNING JOURNALS: HOW RELEVANT ARE THEY IN LEARNING ARABIC VOCABULARY?

Nadiah Abd Rahim¹, Nadhilah Abdul Pisal^{2*}, Ummi Syarah Ismail³, Nurazan Md Rouyan⁴

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: nadiahabdrahimofficial@gmail.com

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: nadhilah@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Malaysia
Email: ummi@uitm.edu.my

⁴ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia
Email: nurazan@unisza.edu.my

* Corresponding Author: nadhilah@uitm.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 20.05.2025

Published date: 10.06.2025

To cite this document:

Abd Rahim, N., Pisal, N. A., Ismail, U. S., & Rouyan, N. M. (2025). Jurnal Pembelajaran: Relevankah Penggunaannya Dalam Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab? *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 432-447.

DOI: 10.35631/IJMOE.725030.

Abstrak:

Jurnal pembelajaran merupakan sebuah catatan bertulis untuk merekodkan proses pembelajaran dan membantu dalam meningkatkan kesedaran seseorang terhadap pembelajaran mereka. Hakikatnya, masih ramai pelajar bahasa Arab kurang kesedaran tentang pembelajaran kosakata bahasa Arab dan mempunyai kemahiran metakognitif yang rendah, sehingga memberi kesan negatif kepada penguasaan bahasa mereka. Penggunaan jurnal pembelajaran merupakan salah satu inisiatif yang boleh membantu pelajar untuk memantau pembelajaran secara berkala. Namun demikian, penggunaannya didapati kurang dimanfaatkan sepenuhnya dalam proses pembelajaran meskipun penggunaannya sangat meluas dalam kalangan guru atau pendidik untuk melakukan refleksi bagi menilai keberkesanan pengajaran mereka. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kerelevanan dan kepentingan penggunaan jurnal pembelajaran untuk mempelajari kosakata bahasa Arab. Seramai 10 orang pelajar tingkatan tiga dari sekolah menengah agama negeri Perlis dilibatkan sebagai responden kajian kualitatif ini. Selepas pelajar menyiapkan jurnal pembelajaran yang disediakan, kaedah temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklum balas mengenai kerelevanan dan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



kepentingan penggunaan jurnal pembelajaran dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Data kajian dianalisis secara tematik dengan menggunakan perisian NVivo 14. Dapatan analisis ini menemukan lima tema utama mengenai kerelevanan penggunaan jurnal pembelajaran dalam konteks kajian iaitu mengingat kembali pembelajaran, menyemak kefahaman, meningkatkan kesedaran metakognitif, mengarahkan pembelajaran berfokus dan menyimpan maklumat pembelajaran. Kajian ini dijangka memberi sumbangan dan implikasi dalam pendidikan secara teori dan praktikal di mana jurnal pembelajaran dapat dijadikan sebagai rekod pembelajaran sendiri dan satu bahan penilaian formatif dalam bilik darjah.

Kata Kunci:

Jurnal Pembelajaran, Pembelajaran Kosa Kata, Bahasa Arab

Abstract:

A learning journal is a writing note to record the learning process and help in increasing an individual's awareness of their learning. In fact, many Arabic language students still lack awareness about learning Arabic vocabulary and have low metacognitive skills, which negatively affects their language proficiency. The use of learning journals is one initiative that can help students monitor their learning regularly. However, their use of learning journals was found to be underutilized in the learning process, whereas its use is very widespread among teachers or educators to reflect on and evaluate the effectiveness of their teaching. Therefore, this study was conducted to examine the relevance and importance of using learning journals to learn Arabic vocabulary. A total of 10 Form Three students from religious secondary schools in Perlis were involved as respondents in this qualitative study. After students completed the learning journal provided, the semi-structured interview method was used to get feedback on the relevance and importance of utilizing learning journal in learning Arabic vocabulary. The research data was analyzed thematically using NVivo 14 software. The results of this analysis showed five main themes about the relevance of using learning journals in research context: remembering past learning, checking understanding, enhancing metacognitive awareness, directing focused learning, and storing learning information. This study is expected to contribute and have implications in education theoretically and practically, where learning journals can be used as a record of self-learning and one of the formative assessment materials in the classroom.

Keywords:

Learning Journal, Vocabulary Learning, Arabic Language

Pengenalan

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia telah mengalami perubahan daripada pengajaran berpusatkan guru kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan satu proses pembelajaran yang memberikan pelajar autoriti dan keupayaan untuk mengarahkan pembelajaran mengikut rentak mereka sendiri dan menunjukkan apa yang mereka tahu seiring dengan kefahaman mereka bagi sesuatu topik (Harrington & DeBruler, 2019). Jurnal atau diari adalah sebahagian daripada pendekatan berpusatkan pelajar di mana pelajar bertanggungjawab sepenuhnya dalam pembelajaran mereka. McDonough dan McDonough (1997) menekankan bahawa diari merupakan antara alat

pembelajaran yang baik untuk memahami tingkah laku seseorang, amalan pengajaran dan pembelajaran, merangsang refleksi sendiri dan membentuk sebuah pembelajaran autonomi.

Pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar ini menggalakkan pelajar untuk terlibat dalam proses metakognitif secara aktif melalui penulisan jurnal pembelajaran bagi merekodkan proses pembelajaran mereka secara sadar. Pelajar yang sadar terhadap proses pembelajaran kosa kata menjadikan mereka lebih berautonomi dan bertanggungjawab terhadap kejayaan dan kegagalan mereka dalam pembelajaran. Adapun begitu, segelintir pelajar bahasa Arab masih tidak mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab mereka. Hal ini dapat dilihat daripada penemuan kajian kualitatif Hamidin (2019) yang menunjukkan beberapa sikap negatif pelajar seperti tidak mengambil serius terhadap pembelajaran bahasa Arab, banyak bermain, tidak menggunakan masa yang sepatutnya untuk belajar bahasa Arab dan tiada usaha mencari kosa kata Arab dalam kamus secara sendiri. Pelajar juga dikatakan berasa bosan dan kurang memberi perhatian terhadap kelas bahasa Arab. Situasi ini berlaku kerana kekurangan aktiviti bahasa yang menarik di sekolah sekiranya guru hanya menggunakan pendekatan berpusatkan guru sahaja. Umar, Mohamed, Zainuddin dan Sulaiman (2023) menyatakan bahawa penggunaan pendekatan tradisional yang berpusatkan guru kurang berkesan terhadap pemerolehan kosa kata bahasa Arab kerana pelajar kurang tertarik untuk belajar berbanding penggunaan pendekatan berpusatkan pelajar.

Meskipun pendekatan berpusatkan pelajar semakin ditekankan dalam pendidikan abad ke-21, masih terdapat segelintir guru yang tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran dan hanya bergantung kepada pendekatan tradisional dengan berpusatkan guru (Baghoussi, 2021). Dalam konteks pengajaran kosa kata bahasa Arab, sesetengah guru masih mengamalkan pengajaran bersifat konvensional dengan bergantung sepenuhnya kepada buku teks (Akmalia, 2023), manakala pendedahan terhadap strategi pembelajaran kosa kata pula dilakukan secara tersirat dan tidak langsung (Rasit & Ismail, 2024). Keadaan ini menunjukkan berlakunya jurang yang ketara antara kehendak kurikulum yang menekankan pembelajaran aktif dan reflektif dengan amalan sebenar di dalam bilik darjah.

Selain itu, terdapat juga guru yang kurang terbuka untuk mengintegrasikan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar seperti penggunaan jurnal pembelajaran sebagai alat refleksi sendiri. Hal ini mungkin berpunca daripada kekangan masa, kekurangan latihan pedagogi yang bersesuaian, atau persepsi bahawa penggunaan jurnal tidak memberikan impak langsung terhadap pencapaian pelajar (Rahman et al., 2021). Kekangan ini turut mempengaruhi tahap pendedahan pelajar terhadap amalan refleksi sendiri melalui jurnal. Malah, pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua dilaporkan tidak terbiasa menggunakan jurnal atau diari pembelajaran untuk merekodkan pengalaman dan perasaan mereka berkaitan proses pembelajaran (Nafi & Teh, 2017). Hasil sorotan literatur menunjukkan kekurangan kajian penggunaan jurnal pembelajaran dan kesannya terhadap penguasaan kosa kata bahasa Arab, khususnya dalam kalangan pelajar peringkat menengah. Kekurangan perbincangan secara empirikal ini menimbulkan keperluan untuk meneroka alat pembelajaran alternatif yang dapat merangsang pembelajaran reflektif dan menilai kesan positif kepada pelajar bahasa Arab.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji kerelevanan dan kepentingan penggunaan jurnal pembelajaran kepada pelajar yang mempelajari kosa kata bahasa Arab. Dengan meneliti pandangan pelajar, maklumat keberkesanan penggunaan jurnal dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab dapat dikaji dengan lebih mendalam. Justeru, kajian ini penting untuk dijalankan

bagi mengetengahkan satu penjejak kemajuan yang menjadikan pelajar lebih sedar terhadap pembelajaran, mampu melaksanakan penilaian yang mendalam terhadap pembelajaran kosa kata, mengenal pasti strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan diri serta memantau proses pembelajaran kosa kata sendiri melalui catatan bertulis seperti jurnal pembelajaran. Kajian ini juga secara tidak langsung dapat merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2021-2025 dalam melahirkan pelajar yang berfikiran kritis dan kritikal dengan membiasakan mereka menilai dan membuat penambahbaikan dalam proses pembelajaran dari semasa ke semasa.

Kajian Literatur

Pembelajaran Kosa Kata

Kosa kata atau dalam bahasa Arab disebut sebagai *mufradat* sangat penting dalam sesebuah pembelajaran bahasa khususnya bagi pelajar bahasa kedua ataupun bahasa asing. Pembelajaran kosa kata merujuk kepada proses mengenal, memahami, mengingat dan menggunakan sejumlah kosa kata dalam membentuk satu makna yang difahami. Penguasaan kosa kata semakin mendapat perhatian dan giat dibincangkan oleh para pengkaji kerana ia merupakan salah satu matlamat dan objektif pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bahasa Arab yang perlu dicapai oleh pelajar sebagaimana tertera dalam sukatan pelajaran (Baharuddin, Ismail & Yusof, 2017). Pelajar bahasa perlu menguasai saiz kosa kata yang mencukupi dan mencapai pengetahuan kosa kata yang mendalam bagi menguasai sesuatu bahasa.

Secara umumnya, sarjana bersepakat bahawa sebanyak 2000 hingga 3000 kosa kata baharu perlu dipelajari oleh pelajar untuk mencapai penguasaan sesuatu bahasa pada peringkat menengah (Anderson & Nagy, 1993). Adapun bagi penguasaan kosa kata bahasa Arab, pelajar pada peringkat rendah perlu menguasai sebanyak 750 hingga 1,000 kosa kata, seterusnya, 1,000 hingga 1,500 kosa kata pada peringkat menengah dan bertambah daripada 1,500 hingga 2,000 kosa kata pada peringkat yang lebih tinggi (Tu'aymah, 1986). Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menggariskan sejumlah kosa kata berdasarkan tema-tema khusus dalam DSKP *al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah* (2016) iaitu sebanyak 1500 hingga 2000 kosa kata baharu perlu dikuasai oleh pelajar sekolah menengah agama dalam pembelajaran bahasa Arab. Sebuah kajian literatur oleh Razak dan Samah (2018) turut mendapati bahawa sebanyak 2000 kosa kata berfrekuensi tinggi perlu dipelajari dan dikuasai oleh pelajar pada peringkat permulaan, dan perlu ditambah sekurang-kurangnya 800 perkataan akademik pada peringkat sekolah menengah dan pelajar perlu mempunyai 3000 hingga 5000 kosa kata teknikal iaitu kosa kata pada bidang tertentu di peringkat universiti.

Hasil temu bual separa berstruktur dalam kajian Aluwi dan Ghani (2023) bersama lima orang guru bahasa Arab mendapati bahawa pelajar sekolah menengah agama menguasai kebanyakan kosa kata yang diajar disebabkan faktor persekitaran yang membantu, kepelbagaian kaedah guru dan minat pelajar kepada bahasa Arab. Adapun begitu, penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab di Malaysia masih berada pada tahap sederhana sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian kuantitatif Ma (2022) bahawa skor peratus penguasaan menunjukkan tahap penguasaan kosa kata pelajar adalah sederhana tinggi (1001 - 1500 perkataan) dengan peratus pelajar sebanyak 40.3% dan tinggi (1501 - 2000 perkataan) dengan peratus pelajar 27.6% yang dipengaruhi oleh faktor pendekatan pengajaran guru, sikap pelajar dan sokongan ibu bapa. Kajian kuantitatif Wahab, Pa dan Asbullah (2021) turut

mendapati bahawa saiz kosa kata pelajar sekolah berada pada tahap sederhana rendah (1001-2000 perkataan) dengan peratus pelajar 61.3% dan purata penguasaan saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan 150 orang pelajar SABK hanya sebanyak 1,316 daripada 4000 perkataan. Sebuah kajian kuantitatif yang dilaksanakan oleh Zaini, Abdul dan Hasan (2020) pula menunjukkan bahawa rata-rata pelajar mempunyai saiz kosa kata di antara 2000 hingga 3000 patah perkataan berdasarkan tempoh pembelajaran bahasa Arab. Majoriti pelajar yang mempelajari bahasa Arab melebihi tempoh tiga tahun akan memberi kesan positif terhadap saiz kosa kata mereka. Adapun begitu, sebuah kajian kuantitatif yang dijalankan oleh Razak et al. (2020) menunjukkan kebimbangan di mana penguasaan saiz kosa kata yang statik dan tidak berubah iaitu 1500 hingga 2000 perkataan dalam kalangan pelajar universiti walaupun telah mempelajarinya sejak peringkat sekolah.

Selain itu, kajian tinjauan Rizan dan Baharudin (2021) menunjukkan tahap pengetahuan kosa kata iaitu kedalaman kosa kata pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Hal ini dapat dilihat melalui pencapaian beberapa kosa kata yang tinggi seperti kosa kata *طائرة*, *وصل*, dan *مستقبل* namun begitu terdapat segelintir pelajar yang kurang berpengetahuan terhadap perkataan yang jarang ditemui, tidak mampu menterjemah dengan tepat dan menggunakan perkataan dalam konteks yang betul. Hal ini sejajar dengan dapatan kajian tinjauan Khatib dan Zainal (2021) yang mendapati pengetahuan kosa kata pelajar berada pada tahap sederhana di mana pelajar kurang mampu mengeja perkataan dengan tepat, kesusahan dalam memilih perkataan yang sesuai dengan konteks, keliru penggunaan kata nama, kata kerja dan jantina. Kajian Wahab et al. (2021) terhadap 150 orang pelajar STAM di SABK turut mendapati bahawa pengetahuan kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar berada pada tahap sederhana rendah dengan peratus pelajar (60.7%). Hal ini dapat dilihat melalui elemen pengetahuan iaitu perluasan makna, pemilihan perkataan dan penggunaan dalam konteks yang tepat merekodkan nilai min yang paling rendah. Oleh yang demikian, berdasarkan tinjauan literatur di atas, dapat disimpulkan bahawa penguasaan saiz dan pengetahuan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia masih berada pada tahap sederhana dan kurang memuaskan. Oleh itu, pendekatan pembelajaran yang berbeza dan terarah sendiri perlu dipraktikkan bagi meningkatkan kesedaran dan rasa tanggungjawab pelajar terhadap proses pembelajaran.

Jurnal Pembelajaran

Jurnal pembelajaran merupakan sebuah catatan bertulis yang digunakan oleh pelajar untuk mendokumentasikan proses pembelajaran mereka secara sedar dan reflektif. Jurnal atau diari pembelajaran sering disifatkan dengan sifat introspektif di mana pelajar boleh melaporkan perasaan mereka, strategi pembelajaran bahasa dan pengalaman mereka sendiri ketika belajar bahasa (Bailey & Ochsner, 1983). Menurut Cavalari dan Aranha (2016), diari pembelajaran merupakan alat untuk merangsang refleksi berterusan terhadap proses pembelajaran. Pelajar membuat refleksi terhadap pengalaman dan tugas pembelajaran kosa kata mereka, menilai kesukaran dan cabaran yang dihadapi berserta penyelesaiannya dan menilai kemajuan mereka ke arah pencapaian matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan.

Penulisan jurnal dalam pembelajaran kosa kata dalam kajian ini disokong oleh model metakognitif (Flavell, 1979) yang melibatkan proses berfikir tentang pemikiran serta teori konstruktivisme yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku apabila pelajar secara aktif membina maklumat dan pengetahuan asas berdasarkan kefahaman mereka sendiri (Saleem, Kausar & Deeba, 2021). Adapun begitu, Fresno, Ikonen, Garcia, Crujo dan Diaz (2024) mengadaptasi taksonomi Bloom sebagai salah satu rangka kerja yang mendasari penulisan diari

pembelajaran bagi membangunkan kemahiran aras tinggi. Dapatan kajian lepas mendapati bahawa diari pembelajaran menyokong pembangunan kemahiran aras tinggi pelajar secara berperingkat iaitu dengan mengingat kembali, merenung pemahaman dan mengaplikasikan konsep dan fakta dalam penulisan. Pemikiran aras tinggi pelajar dikembangkan dengan proses menganalisis maklumat dan pengetahuan yang diperolehi, mengaplikasikannya pada situasi tertentu, menilai maklumat dan idea dan menggabungkan maklumat untuk mencipta pemahaman yang baharu.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa, penulisan jurnal pembelajaran bukan hanya sekadar aktiviti mencatat, bahkan ia merupakan satu pendekatan reflektif yang menyepadukan elemen metakognitif, konstruktivisme, dan kemahiran pemikiran aras tinggi secara bersepadu. Melalui proses ini, pelajar bukan sahaja mengingat dan memahami maklumat, malah mereka juga didorong untuk menganalisis, menilai, dan mencipta makna baharu berasaskan pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi. Ini menunjukkan bahawa jurnal pembelajaran bukan sekadar alat bantu pembelajaran, tetapi berpotensi menjadi medium transformasi dalam membentuk pelajar yang berautonomi dan mampu menghadapi cabaran pembelajaran abad ke-21 dengan lebih kritis. Justeru, integrasi jurnal pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab diperlukan untuk menyokong pembangunan holistik pelajar.

Jurnal pembelajaran mempunyai kaitan yang signifikan dengan perkembangan kesedaran metakognitif pelajar. Kajian Nunan (1997) terhadap 60 orang pelajar universiti Hong Kong mendapati bahawa pelajar yang dilatih dan diberi peluang untuk merenung pembelajaran mereka melalui jurnal, menunjukkan kesedaran yang lebih tinggi terhadap proses pembelajaran mereka dan mampu membangunkan kemahiran metakognitif untuk menghubungkan apa yang mereka ingin pelajari dengan cara yang lebih berkesan. Kajian Tiarsiwi (2021) turut mendapati bahawa penulisan jurnal dalam kalangan 29 orang pelajar menjadikan mereka sedar terhadap kelemahan diri mereka, menilai penggunaan strategi yang lebih efektif berbanding bergantung kepada satu strategi sahaja, kesedaran untuk menetapkan matlamat yang jelas dalam pembelajaran bahasa, meramalkan apa yang akan mereka pelajari dalam kelas, mengubah suai pemahaman mereka dan mencabar diri mereka untuk mencari sumber lain dalam pembelajaran. Begitu juga dengan kajian kualitatif Kanaki (2022) yang turut mendapati bahawa kesemua 53 orang peserta kajian menunjukkan kesedaran bahasa yang tinggi iaitu dengan menyatakan refleksi secara terperinci dalam proses pembelajaran bahasa, melaksanakan perbandingan bahasa Perancis (bahasa pertama) dengan bahasa Inggeris (bahasa kedua), melakukan silang bahasa dan menggunakan kedua-dua bahasa ini secara kerap dalam penulisan naratif dan penerapan strategi pembelajaran bahasa yang meluas. Kajian Tahmasbi, Karimnia dan Rahimi (2022) merekodkan seramai 90% orang pelajar bersetuju bahawa penggunaan jurnal refleksi dapat meningkatkan pembelajaran dan kesedaran diri yang lebih tinggi. Hal ini dapat dilihat apabila pelajar melakukan penilaian pembelajaran, perbandingan dan pemantauan secara mendalam.


Pengintegrasian jurnal dalam pembelajaran dilihat memberi impak yang positif terhadap peningkatan pencapaian kosa kata (Tehrani & Ghaemi, 2016), pembelajaran kosa kata dengan mengembangkan kebolehan pelajar mengenal pasti dan menggunakan kosa kata baharu (Rasouli & Shoari, 2015), memudahkan proses mengingat kosa kata dan proses mengulang kaji kosa kata di luar bilik darjah (Vuong & Le, 2021), penulisan yang lebih kritis (Mostafa, 2019) serta peningkatan keyakinan untuk menggunakan kosa kata bahasa sasaran dengan lebih berkesan ketika menulis (Vitara, 2020). Oleh itu, kajian kualitatif Essa (2024) mengetengahkan

jurnal pembelajaran sebagai salah satu alat yang berkesan untuk menggalakkan refleksi dan memupuk pembelajaran reflektif dalam kalangan pelajar yang melibatkan beberapa proses penting seperti merenung semula pembelajaran, cabaran, strategi, menilai tahap kefahaman, pengalaman dan pandangan terhadap proses pembelajaran. Namun begitu, dapatan kajian Turnuk (2018) merakamkan 30.88% orang pelajar kurang bersetuju dengan penggunaan jurnal kerana mengambil masa yang lama untuk mengisi jurnal dan kurang fleksibel untuk disesuaikan dengan gaya pelajar. Malah sesetengah pelajar berpendapat bahawa proses menulis jurnal amat membebankan jika tidak berstruktur atau tiada garis panduan (Waggoner-Denton, 2018). Sesetengah pelajar juga menyatakan ketidakjelasan terhadap keberkesanan dan kepentingan diari dalam pembelajaran mereka di samping kurang berkemahiran untuk merekodkan perasaan mereka dan menghubungkan apa yang telah mereka pelajari dengan pengalaman sebelumnya (Essa, 2024).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Temu bual separa berstruktur dan data bertulis diperoleh daripada peserta kajian yang dipilih berdasarkan pensampelan data bertujuan (Patton, 2002) untuk mendapatkan data yang mendalam dan terperinci. Kajian ini melibatkan 10 orang peserta iaitu pelajar tingkatan tiga daripada kategori cemerlang dan lemah, di mana jumlah tersebut ditentukan berdasarkan prinsip ketepuan data. Ketepuan dicapai apabila tiada maklumat baharu muncul dalam temu bual, sejajar dengan Guest, Bunce dan Johnson (2006) yang menyatakan bahawa tema utama lazimnya mula berulang dalam lingkungan 10 hingga 12 temu bual. Pemilihan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Perempuan) Alawiyah sebagai lokasi kajian adalah berdasarkan pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang menetapkan objektif yang jelas dalam penguasaan bahasa Arab serta menekankan pembangunan pemikiran aras tinggi dan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar sejajar dengan konsep jurnal pembelajaran kosa kata. Sebuah jurnal pembelajaran telah diedarkan kepada setiap pelajar sebelum pembelajaran kosa kata dijalankan. Penerangan dan tatacara pengisian jurnal telah diberikan secara terperinci dan mereka diminta untuk melengkapkan jurnal tersebut setelah menyempurnakan aktiviti yang diberikan. Kemudian, temu bual separa berstruktur secara individu dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan pelajar terhadap penggunaan jurnal sepanjang proses pembelajaran kosa kata.


Proses analisis data dalam kajian ini menggunakan pendekatan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) yang melibatkan beberapa peringkat utama antaranya transkripsi data, pengkodan, pembangunan tema, semakan tema, penamaan tema dan akhirnya pelaporan dalam bentuk naratif (lihat Rajah 1). Proses transkripsi data kajian dimulai dengan menyalin data audio secara verbatim ke dalam bentuk teks, kemudian data dimasukkan ke dalam perisian NVivo.14 di mana proses pengkodan awal dilakukan. Kemudian, kod-kod disemak untuk mengenal pasti tema awal yang lebih luas. Setelah itu, setiap tema disemak dan dinilai kesesuaiannya dengan objektif kajian dan setiap tema dinamakan berdasarkan konteks kajian. Tema kajian ini dilaporkan mengikut naratif tematik, iaitu perenggan yang menerangkan setiap tema disertakan dengan petikan data daripada transkrip.



Rajah 1: Proses Penganalisan Data Kajian

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Kajian ini mengkaji pandangan pelajar terhadap kerelevanan dan kepentingan penggunaan jurnal dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Berdasarkan temu bual pelajar, kerelevanan dan kepentingan penggunaan jurnal dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab dapat dikategorikan kepada beberapa tema utama (lihat Rajah 2).



Rajah 2: Kerelevanan Jurnal Pembelajaran

Mengingat Kembali Pembelajaran

Dapatan analisis tematik membuktikan jurnal pembelajaran merupakan salah satu aktiviti mengimbas kembali pembelajaran yang melibatkan proses kognitif yang tinggi di mana pelajar memerlukan kesedaran dan keupayaan dalam menyusun memori dan pengetahuan mereka. Hal ini dapat dilihat apabila penulisan jurnal secara berkala dalam pembelajaran dapat meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan jurnal dan kesedaran terhadap proses pembelajaran mereka sendiri sepertimana yang disebut oleh Informan A1, A4 dan A8. Informan A1 dan A8 menyedari bahawa penulisan jurnal yang berterusan ketika pelaksanaan tugas bahasa dapat membantu proses mengimbas semula pembelajaran.

“...lepas tu bila saya tulis banyak-banyak-banyak kan saya rasa macam oh sebenarnya benda ni untuk macam mana menceritakan balik apa yang saya dah belajar” (A1, Unt 36)

“...masa buat tu memang boleh ingat balik lah. Tulis lah dalam tu tulis lah pasal apa yang saya buat tadi.” (A8, Unt 58)

Informan A4 mendapati jurnal pembelajaran sangat efektif digunakan dalam menyenaraikan cara dan strategi pembelajaran kosa kata yang bersesuaian dengan kemampuan pelajar.

“...bagi saya berkesan sebab saya dapat recall balik apa yang kena buat, apa yang okay untuk buat, apa yang tak okay la.” (Unt 26)

Mengingat semula pembelajaran lepas melalui penulisan jurnal ini bukan hanya terhad kepada penulisan pelaksanaan aktiviti semata-mata, malah ia juga didapati berkesan dalam memantau kemajuan dan kemampuan pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab mereka.

Menyemak Kefahaman

Jurnal pembelajaran didapati berkesan untuk menyemak kefahaman maklumat seperti kosa kata, cara dan strategi pembelajaran sebagaimana yang dinyatakan oleh informan A2, A7 dan A10 bahawa catatan mengenai pelaksanaan aktiviti, perkataan yang difahami dan tidak difahami menjadikan mereka lebih cakna terhadap pencapaian diri dan kefahaman mereka selain memudahkan pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

“Jurnal ni berkesan sebab dia macam dia boleh reflect diri kita macam sejauh mana kita faham.” (A2, Unt 28)

“...kita tahu apa yang kita faham dan apa yang kita tak faham.” (A7, Unt 30)

Informan A10 menyatakan bahawa jurnal pembelajaran merupakan pemudah cara dalam proses pembelajaran kosa kata khususnya dari segi pemahaman dan penggunaan kosa kata bahasa Arab

“Bila guna jurnal saya rasa lebih mudah nak fahami kosa kata bahasa Arab, untuk bina ayat, lebih mudah.” (Unt 28)

Pengetahuan terhadap apa yang difahami dan tidak difahami dalam pembelajaran dapat meningkatkan kesedaran sendiri dan rasa tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri.

Meningkatkan Kesedaran Metakognitif

Dapatan analisis tematik menunjukkan bahawa jurnal pembelajaran berkesan dalam meningkatkan kesedaran metakognitif pelajar melalui proses refleksi diri, kefahaman dan pencapaian seseorang. Pelajar dapat mengenal pasti kekurangan dan kelebihan diri dalam pembelajaran, seterusnya membolehkan mereka merancang, menilai dan memilih strategi pembelajaran yang berkesan.

Mengenal Pasti Kekurangan dan Kelebihan Diri dalam Pembelajaran

Penulisan jurnal pembelajaran secara naratif menonjolkan kekurangan dan kelebihan seseorang dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab sebagaimana yang dinyatakan oleh informan A2, A3, A4, A6, A7, A8, dan A10.

“...boleh tahu macam kita ni kurang tang mana, lebih tang mana. Macam kelebihan dan kekurangan saya lah.” (A2, Unt 28)

“...mengetahui apa kelemahan kita dalam belajar sesuatu benda ni dan apa kelebihan kita dalam belajar sesuatu benda.” (A3, Unt 40)

“Masa tulis jurnal tu kan kita dapat teliti kelebihan dan kelemahan kan, so dari situ saya dapat tau apa yang saya kurang dan apa yang saya okay. Masa tulis tu saya tengok saya kurang menghafal dan baca bahan bahasa Arab.” (A4, Unt 24)

“...berguna tadi berkesan sebab kita kena tulis apa kelemahan macam apa yang kita tak dapat, apa yang kita dapat.” (A6, Unt 34)

“...kalau benda yang saya tak tahu tu saya tulislah lepas tu yang saya macam tahu tu saya tulis je lepas tu nanti bila nak study balik tu tengok yang mana tahu, mana tak tahu yang mana lemah...” (A6, Unt 46)

“Saya dapat tahu kelebihan dan kekurangan saya, ada tulis lah tadi dalam jurnal.” (A7, Unt 32)

“...apa yang saya buat tadi, macam dapat kelebihan diri ke ataupun kekurangan diri...” (A8, Unt 58)

“...berkesan sebab saya boleh tengok kelemahan saya...” (A10, Unt 50)

Kepekaan terhadap kekurangan dan kelebihan dalam pembelajaran menjadikan pelajar lebih berdikari dan berstrategik untuk menghafal, mengekalkan, memahami dan menggunakan kosa kata baharu dengan lebih efektif.

Merancang Pembelajaran

Kesedaran terhadap kelemahan diri merangsang tindak balas emosi yang mendorong seseorang pelajar untuk merancang dan memperbaiki strategi pembelajaran mereka pada masa hadapan sebagaimana yang diketengahkan oleh informan A4.

“...saya tengok saya kurang menghafal dan baca bahan bahasa Arab. Hmm. Jadi saya tulis la perancangan macam nak cari bahan online dan baca bahan tambahan lagi la.” (Unt 24)

Dalam konteks ini, rasa kesal dan kecewa terhadap diri sendiri kerana kekurangan usaha dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab menjadikan pelajar lebih berstrategi. Menurut Zimmerman (2002), elemen emosi berperanan dalam merangsang pelajar untuk menetapkan matlamat, memilih strategi yang bersesuaian dan memantau kemajuan mereka secara berterusan dalam pembelajaran.

Mengenal Pasti Strategi Belajar yang Sesuai

Pelaksanaan aktiviti bahasa memerlukan penggunaan strategi yang pelbagai. Hasil dapatan mendapati bahawa melalui penulisan jurnal pembelajaran secara berkala, informan A8 dan A10 mampu mengenal pasti dan memilih strategi yang berkesan setelah menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan aktiviti bahasa yang diberikan.

“...saya tulis cara belajar yang berkesan dalam tu setakat ni. Sebab kan bila mendengar tu saya tak boleh tulis jadi lambat sebab tadi nak eja lepas tu saya kena tulis rumi dulu saya tulis rumi lepas tu nanti baru saya buat dalam Arab.” (A8, Unt 58)

“...maksudnya kalau tulis tu boleh ubah balik cara saya belajaq bahasa Arab boleh tahu cara belajar dan cadangan cara belajar untuk depan.” (A10, Unt 50)

Menetapkan Matlamat Pembelajaran Yang Jelas

Penulisan jurnal pembelajaran secara konsisten dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab menjadikan pelajar lebih jelas terhadap matlamat dan objektif pembelajaran. Informan A4 menetapkan matlamat yang jelas iaitu dengan memperuntukkan waktu menghafal pada masa hadapan setelah mengetahui kelemahan dan kelebihan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

“Goal saya untuk bahasa Arab ni paling kurang, saya kena hafal satu perkataan nak bagi mahir.” (A4, Unt 24)

Oleh itu, dari sudut meningkatkan kesedaran metakognitif, dapatan kajian ini didapati selari dengan dapatan kajian Tiarsiwi (2021) dan Kanaki (2022) yang membuktikan bahawa jurnal pembelajaran berperanan dalam mengaktifkan kesedaran metakognitif pelajar dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Elemen-elemen seperti penilaian sendiri, kesedaran terhadap proses pemikiran, pemahaman serta kawalan sendiri dalam pembelajaran menjadi asas kepada kesedaran metakognitif yang tinggi. Melalui penulisan jurnal, pelajar didapati lebih peka terhadap gaya dan tahap penguasaan diri serta lebih berdaya saing dalam mengurus pembelajaran secara sendiri. Walau bagaimanapun, penulisan jurnal pembelajaran perlu dipandu oleh garis panduan tertentu untuk menjadikan penulisan lebih efektif. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ramadhanti et al. (2020) bahawa garis panduan jurnal refleksi boleh digunakan untuk memantau perkembangan metakognitif pelajar dalam penulisan.

Mengarahkan Pembelajaran Berfokus

Kesedaran metakognitif yang ditonjolkan oleh pelajar melalui jurnal menjadikan pembelajaran lebih terancang, kemas dan dikendalikan dengan efisien. Informan A3 menyatakan bahawa penggunaan jurnal pembelajaran berkesan dalam menonjolkan aspek yang perlu diberi keutamaan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab seperti penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.

“Jurnal pembelajaran ni bagi saya berkesan sebab jurnal pembelajaran ni kita boleh tengok apa yang kita perlu buat, apa yang kita perlu tambahbaikan lagi dalam pembelajaran.” (A3, Unt 36)

Bukan itu sahaja, informan A2, A6 dan A7 menyatakan bahawa fokus pembelajaran mereka lebih tertumpu kepada penambahbaikan kelemahan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Ini membolehkan pelajar mengurus masa dan sumber dengan lebih efektif, seterusnya meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

“Kalau macam kurang faham kita just tumpukan strategi tertentu dan gunakan strategi tu untuk macam fokus pada topik tu.” (A2, Unt 30)

“...jadi nanti nak study balik, kita bolehlah baca jurnal tu. Kita tengok apa yang kita tak dapat tu, kita improvekan benda tu.” (A6, Unt 34)

“...lepas tu nanti bila nak study balik tu tengok yang mana tahu, mana tak tahu yang mana lemah tu kita buat banyak dia punya soalan.” (A6, Unt 46)

“Saya dapat tahu kelebihan dan kekurangan saya, ada tulis lah tadi dan saya akan baiki mana yang patut.” (A7, Unt 32)

Justeru, pelajar dapat menumpukan perhatian kepada aspek pembelajaran yang lebih spesifik, sekali gus mengarahkan proses pembelajaran ke arah yang lebih berfokus, sistematik dan berasaskan matlamat. Hal ini sejajar dengan konsep perhatian terpilih yang memberi tumpuan kepada aspek tertentu dalam pembelajaran bahasa sebelum sesuatu tugas dilaksanakan (O'Malley & Chamot, 1990). Maka, dapat disimpulkan bahawa jurnal pembelajaran berupaya memperkukuh keupayaan pelajar dalam mengurus tumpuan secara strategik, seterusnya menjadikan proses penguasaan kosa kata lebih terarah, tersusun dan bermakna.

Menyimpan Maklumat Pembelajaran

Hasil analisis mendapati bahawa pelajar menghadapi kesusahan dalam mengekalkan kosa kata bahasa Arab dalam tempoh yang lama. Adapun begitu, informan A1 dan A11 mendapati bahawa penulisan jurnal ketika pembelajaran kosa kata bahasa Arab memberi kesan yang positif terhadap pengekalan kosa kata dan maklumat pembelajaran.

“...oh benda ni patutnya kena ada sebab saya ni cepat ingat tapi saya pun cepat lupa sesuatu benda tu so bila saya buat jurnal tu saya macam oh benda ni saya ingat.” (A1, Unt 36)

“... macam saya ni mudah lupa tapi saya guna strategi ni (tulis jurnal) jadi ingat lah. (A11, Unt 32)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penulisan jurnal dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab membantu pelajar menjadi lebih sedar akan diri sendiri serta mampu mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan maklumat baharu, sejajar dengan model metakognitif yang menekankan kepentingan kesedaran terhadap pengetahuan, proses kognitif serta keupayaan untuk memantau dan mengawal pembelajaran secara sedar dan tersusun (Flavell, 1979). Pengetahuan baharu yang diperoleh pelajar berkaitan topik yang dipelajari, tugas yang diberikan dan strategi yang digunakan boleh diintegrasikan melalui penulisan jurnal secara reflektif untuk membina maklumat, memperkukuh pengetahuan asas dan kefahaman mereka, selari dengan teori konstruktivisme yang menegaskan bahawa pembelajaran berlaku apabila pelajar secara aktif membina maklumat dan pengetahuan asas berdasarkan kefahaman mereka sendiri (Piaget, 1967).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menyokong keberkesanan dan kerelevanan penggunaan jurnal dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab, kerana ia dapat mendorong pelajar untuk berfikir secara reflektif tentang apa yang telah mereka pelajari, bagaimana proses pembelajaran itu berlaku serta mengenal pasti strategi yang paling berkesan untuk mereka. Penggunaan jurnal pembelajaran perlu diketengahkan sebagai salah satu bahan bantu pembelajaran dalam bilik darjah dan boleh dijadikan sebagai salah satu penilaian formatif atau bentuk tugas bagi pembelajaran kosa kata kerana catatan bertulis ini membuatkan pelajar mula menyedari corak pemikiran mereka, menilai kefahaman terhadap pembelajaran kosa kata dan membuat penyesuaian dalam cara mereka belajar. Oleh itu, penggunaan jurnal sewajarnya diterapkan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab di semua tahap pendidikan bagi melahirkan pelajar yang lebih reflektif, berdikari dan berdaya saing. Walaupun dapatan kajian ini memberi gambaran yang jelas terhadap keberkesanan jurnal dari sudut pandang pelajar, namun begitu masih terdapat kekangan masa apabila tempoh masa kajian yang dijalankan agak terhad. Justeru, kajian lanjutan yang melibatkan tempoh masa yang lebih panjang, penglibatan peserta kajian yang lebih ramai serta kajian deskriptif yang mengkaji maklum balas guru terhadap penulisan jurnal serta penggunaan jurnal yang lebih interaktif (secara atas talian) disarankan bagi mendapatkan dapatan yang lebih menyeluruh dari pelbagai aspek.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Ruj: FRGS/1/2022/SS109/UITM/03/1)

Rujukan

- Akmalia, F. (2023). Exploring AFL teachers' experiences in teaching Arabic vocabulary. *iRecall Journal: An Indonesian Journal for Language Learning and Teaching*, 1(1), 35-51.
- Aluwi, A. M., & Ghani, M. T. A. (2023). Penguasaan kosa kata terhadap penulisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah: Kajian daripada perspektif guru. *Sains Insani*, 8(2), 294-303. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no2.573>
- Anderson, R. C., & Nagy, W. E. (1993). *The vocabulary conundrum (Technical Report No. 570)*. Urbana, IL: Center for the Study of Reading.
- Baharudin, H., Ismail, Z., & Yusoff, N. M. R. N. (2017). Pembinaan ujian tahap saiz kosa kata Arab. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 13-19.
- Bailey, K. M., & Ochsner, R. (1983). *A methodological review of the diary studies: Windmill tilting or social science?* In K. M. Bailey, M.H. Long, and S. Peck (Eds.), *Second Language Acquisition Studies* (pp. 188-98). Rowley, M.A.: Newbury House.
- Baghoussi, M. (2021). Teacher-Centred approach prevalence in Algerian secondary school EFL classes: The case of English teachers and learners in Mostaganem district. *Arab World English Journal*, 12(2), 268-278. DOI: 10.24093/awej/vol12no2.18
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Cavalari, S. M. S., & Aranha, S. (2016). Teletandem: Integrating e-learning into the foreign language classroom. *Acta Scientiarum Language and Culture*, 38(4), 327- 336.

- Essa, H. (2024). Reflective diaries as a tool for promoting learning and teaching in higher education. *World Journal of English Language*, 14. 217-224. 10.5430/wjel.v14n6p217.
- Flavell, J. H. (1979). Metacognition and cognitive monitoring: A new area of cognitive–developmental inquiry. *American Psychologist*, 34(10), 906–911. Doi: 10.1037/0003-066X.34.10.906
- Fresno, P. L., Ikonen, M., García, A.L., Crujo, U, M., & Díaz, L.G. (2024) Learning diary: A tool to contribute to metacognition development, *INTED2024 Proceedings*, 1, 6657. <https://doi.org/10.21125/inted.2024.1745>
- Guest, G., Bunce, A., & Johnson, L. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods*, 18(1), 59–82. <https://doi.org/10.1177/1525822X05279903>
- Hamidin, N. M. (2019) Challenges in teaching and learning Arabic language in secondary school: Students', teachers' and parents' view. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(2), 1-14.
- Harrington. C., & DeBruler. K. (2019). *What is student-centered learning?*. Michigan Virtual. Website: <https://michiganvirtual.org/blog/what-exactly-is-student-centered-learning/>
- Kanaki, A. (2022). Diaries in language learning: Reflecting language awareness. *A Global Perspective*, 611-633. Tirant Humanidades.
- Khatib, K.M., & Zainal, H. (2018). Penguasaan kata nama dan kata kerja Arab dalam pelaksanaan kurikulum bersepadu dini. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Science*, 1(1), 69-79.
- Ma, K. (2022). *Penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama di Terengganu*, [Unpublished Master Thesis], Universiti Malaysia Terengganu
- McDonough, J., McDonough, S. (1997). *Research methods for English language teachers*. Arnold, London.
- Mostafa, A. A. F. E. (2019). The effectiveness of using learning diaries in developing critical writing skills for al-Azhar preparatory school pupils. *JRCIET: Journal of Research in Curriculum, Instruction and Educational Technology*, 5(4), 11-44. 10.21608/jrciet.2019.54433
- Nafi, L. M., & Teh, K. S. M. (2017). Kepelbagaian penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPT Kelantan. *D-JIE: Online Journal Of Islamic Education*, 3, 1-8.
- Nunan, D. (1997). Designing and Adapting Materials to Encourage Learner Autonomy. In P. Benson, & P. Voller (Eds.). *Autonomy and Independence in Language Learning* (pp. 192-203). London: Longman.
- O'Malley, J. M., & Chamot, A. U. (1990). *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods (3rd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Rahman, A.A., Shamsuddin, S.S.S., Nozalan, N.N., Shukor, M.F.A., & Sukari. A. (2021). Pandemik Covid-19: Cabaran pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam dalam pendidikan khas bagi pelajar orang kurang upaya (OKU) masalah pembelajaran di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(1), 127-138.
- Ramadhanti, D., Ghazali, A., Hasanah, M., Harsiati, T., & Yanda, D. (2020). The Use of Reflective Journal as a Tool for Monitoring of Metacognition Growth in Writing. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (IJET)*. 15. 162. 10.3991/ijet.v15i11.11939.

- Rasit, N. & Ismail. Z. (2024). Hubungan antara strategi pembelajaran dan hasil pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah menengah agama di Malaysia. *Afaq Lughawiyah*, 2(2), 352-364.
- Rasouli, G., & Shoari, E. (2015). The effect of diary writing on improving Iranian young EFL learners' L2 vocabulary learning. *Journal of Applied Linguistics and Language Research*, 2(8), 13-19.
- Razak, Z. R.A., & Samah, R. (2018). Saiz kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi: Permasalahan dan strategi pengajaran. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 8(2), 61-70.
- Razak, Z. R. A., Samah, R. B., & Ismail, S. (2020). Tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar universiti: Satu kajian korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 10 (1), 71 – 80. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.3544>
- Rizan, N. A. M., & Baharudin, H. (2021). Tahap pengetahuan kosa kata dan pencapaian kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor. *In 3rd International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 28 & 29 March 2021.
- Saleem, A., Kausar, H., & Deebea, F. (2021). Social constructivism: A new paradigm in teaching and learning environment. *Perennial Journal Of History*. 2. 403-421. [10.52700/pjh.v2i2.86](https://doi.org/10.52700/pjh.v2i2.86).
- Tahmasbi, S., Karimnia, S., & Rahimi, A. (2022). A combination of action research and reflective journal writing in an English as a foreign language class: Learners' psychological point of views and their grammar use in writing. *Frontiers in Psychology*, 13. [10.3389/fpsyg.2022.810775](https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.810775)
- Tehrani, M.M., & Ghaemi, F. (2016). The impact of reflective journal writing on vocabulary achievement. *International Journal of Educational Investigations*, 3(7), 153-161.
- Tiarsiwi, F. (2021). The use of learners' diaries: Does it work to engage students' metacognition in learning if clauses?. *ELLTER Journal*, 2(2), 26-35. <https://doi.org/10.22236/ellter.v2i2.7684>
- Tu'aymah, R. A. (1986). *Al-marja' fi ta'lîm al-lughah li nÉliqÉn bi lughah ukhrÉ*. Mekah: Jami'ah Ummu al-Qurra.
- Turnuk, T. (2018). The effects of implementing vocabulary journals into main course classes on student success at a private university. *Journal Of English Teaching*, 4(3), 183-194.
- Umar, M. H., Mohamed. Y., Zainuddin. N., & Sulaiman. N. (2023). Enhancing students' vocabulary in Arabic language through the use of google classroom. *Ulum Islamiyyah*, 35(3), 39-47.
- Vitara, N. F. (2020). *English diary to promote vocabulary acquisition: A case study at 6th grade in Tarbiyatul Muallimin Islamiyah Darussalam islamic boarding school*. [Doctoral dissertation], UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Vuong, N. H. A., & Le, N. T. K. (2021). Using reflective journals for learning English among primary school students via google drive. *International Journal of E-Learning Practices*, 4, 92-107.
- Wahab, U.A., Pa, M. T., & Asbullah, L. H. (2021). Saiz kosa kata dan pengetahuan kolokasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Issues in Language Studies*, 10(1), 183-202. <https://doi.org/10.33736/ils.2794.2021>
- Waggoner-Denton, A. (2018). The use of a reflective learning journal in an introductory statistics course. *Psychol. Learn. Teach.* 17, 84-93.

Zaini, A. R., Abdul, R. R & Hasan, Y. (2020). Saiz kosa kata bahasa Arab dan hubungannya dengan tempoh pembelajaran bahasa dalam kalangan bukan penutur jati. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 123-135.

Zimmerman, B. J. (2002). Becoming a self-regulated learner: An overview. *Theory Into Practice*, 41(2), 64–70. https://doi.org/10.1207/s15430421tip4102_2